No. Rujukan: UTEM100-1/3/3 (38)

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 5 TAHUN 2023

PENGGUNAAN SLOGAN UTAMA PELAN STRATEGIK UTeM 2023-2025 "MENJAJAR UNIVERSITI, MELONJAK KE HADAPAN" DALAM URUSAN HEBAHAN SERTA PENGANJURAN MAJLIS DAN ACARA DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) BAGI PROMOSI DAN PENJENAMAAN UTeM

Pejabat Pendaftar
1 Februari 2023 | *10 Rejab 1444H*

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTEM100-1/3/3 (38)

1 FEBRUARI 2023
10 REJAB 1444H

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 5/2023

PENGGUNAAN SLOGAN UTAMA PELAN STRATEGIK UTeM 2023-2025 "MENJAJAR UNIVERSITI, MELONJAK KE HADAPAN" DALAM URUSAN HEBAHAN SERTA PENGANJURAN MAJLIS DAN ACARA DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA (UTeM) BAGI PROMOSI DAN PENJENAMAAN UTeM

1.0 TUJUAN

1.1 Surat Edaran Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada staf dan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai penggunaan slogan utama Pelan Strategik UTeM 2023-2025 **"Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan"** ***("Aligning University, Surging Forward")*** dalam urusan hebahan serta penganjuran majlis dan acara di UTeM.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 6/2022 yang bersidang pada 29 November 2022 telah meluluskan pemakaian Pelan Strategik UTeM 2023-2025.

2.2 Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil. 20/2022 yang bersidang pada 19 Disember 2022 bersetuju meluluskan penggunaan slogan utama Pelan Strategik UTeM 2023-2025 **"Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan"** ***("Aligning University, Surging Forward")*** dalam urusan hebahan serta penganjuran majlis dan acara di UTeM bagi promosi serta penjenamaan UTeM.

2.3 Pelan Strategik universiti merupakan rujukan utama dan panduan kepada setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) dalam merancang strategi dan inisiatif secara sistematik dan bersepadu bagi memacu UTeM ke arah kecemerlangan global pendidikan tinggi teknikal.

2.4 Pelan Strategik UTeM 2023-2025 dibangunkan berasaskan slogan utama **"Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan"** ***("Aligning University, Surging Forward")*** menerusi lima (5) Teras Strategik merangkumi:-

i. *Strategic Thrust* 1: Memperkasa TVET, Meluncur Kerjaya
ii. *Strategic Thrust* 2: Mempromosikan RICE, Menjana Pendapatan
iii. *Strategic Thrust* 3: Menjuarai Khidmat Insani, Mengundang Kesejahteraan
iv. *Strategic Thrust* 4: Mencetuskan Ekosistem Rancak, Melestarikan Universiti
v. *Strategic Thrust 5*: Mengembangkan Nilai, Menggamit Kemakmuran

2.5 Sehubungan dengan itu, pelaksanaan penggunaan slogan utama Pelan Strategik UTeM 2023-2025 iaitu **"Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan"** ***("Aligning University, Surging Forward")*** adalah meliputi medium seperti berikut:-

i. Majlis dan Acara:

Meletakkan slogan utama Pelan Strategik UTeM 2023-2025 dalam hebahan acara, penyediaan video montaj, poster, kain rentang dan gegantung.

ii. Media Sosial:

Hebahan atau kenyataan rasmi melalui Facebook, Instagram, Twitter, YouTube, TikTok dan lain-lain saluran disertakan slogan utama Pelan Strategik UTeM 2023-2025.

iii. **E-mel:**


Penghantaran e-mel rasmi menggunakan akaun e-mel rasmi haruslah disertakan slogan utama Pelan Strategik UTeM 2023-2025.

iv. **Laman Web:**

Penggunaan slogan utama Pelan Strategik UTeM 2023-2025 bagi laman web rasmi universiti, dan slogan dari 5 Teras Strategik bagi laman web PTj yang diwakili PTj masing-masing.

2.6 Contoh susun atur berserta penggunaan slogan utama "**Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan**" ***("Aligning University, Surging Forward")*** adalah seperti berikut:-


i. **Contoh 1: Gegantung Program**



ii. Contoh 2: Kenyataan di Facebook



iii. Contoh 3: E-mel rasmi



3.0 LAIN-LAIN

Mesyuarat Majlis Eksekutif Bil. 20/2022 yang bersidang pada 19 Disember 2022 turut bersetuju meluluskan penggunaan slogan khas untuk dibacakan (selepas salutasi) semasa ucapan bagi setiap Majlis Universiti seperti berikut: "**Salam UTeMku Sayang, Menjajar Universiti, Melonjak Ke Hadapan**".

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Edaran Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN"

Saya yang menjalankan amanah,

MASDZARIF BIN MAHAT
Ketua Pegawai Operasi
Universiti Teknikal Malaysia Melaka